



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 21 OKTOBER 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3. 4. 5.	CLIMATE CHANGE AFFECTING RICE PRODUCTION, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 RONALD KIANDEE: CLIMATE CHANGE PUTTING NATIONAL RICE SECURITY AT RISK, NATION, KWONG WAH YIT POH -A3 SEKURITI BERAS NEGARA BERISIKO TINGGI TERJEJAS AKIBAT PERUBAHAN IKLIM, HARAKAH DAILY -ONLINE SEKURUTI BERAS NEGARA BERISIKO TINGGI TERJEJAS AKIBAT PERUBAHAN IKLIM, BERNAMA -ONLINE MAFI GIAT LAKSANA NAIK TARAF PASAR TAMU DI SELURUH NEGARA, UTUSAN BORNEO -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
6. 7.	JABATAN PERTANIAN JAMIN BENIH PADI CUKUP, BH -ONLINE JABATAN PERTANIAN JAMIN BENIH PADI CUKUP, NEGERI KEDAH -28	JABATAN PERTANIAN MALAYSIA (DOA)
8.	MANFAATKAN INISIATIF AGENSI KERAJAAN UNTUK KEMBANGKAN PASARAN, UTUSAN BORNEO SARAWAK -ONLINE	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
9. 10. 11.	PESAWAH MAHU SUBSIDI BENIH PADI, NEGARA, KOSMO -16 BERI SUBSIDI TERUS KEPADA PESAWAH, DALAM NEGERI, UM -12 BENIH PADI DIJAMIN CUKUP, NASIONAL, BH -20	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
12. 13. 14. 15. 16.	AGROBANK PRICES ITS FIRST RM500M SUKUK WAKALAH PROGRAMME, SUNBIZ, THE SUN -11 AGROBANK'S 1ST SUKUK CLOSES AT COMPETITIVE LEVELS, NEWS/BUSINESS, NST -21 AGROBANK BERJAYA TETAPKAN SUKUK WAKALAH RM500 JUTA, NIAGA, KOSMO -37 TERBITAN SUKUK AGROBANK DAPAT SAMBUTAN LUAR BIASA, BISNES, BH -37 AGROBANK BERJAYA TETAPKAN HARGA SUKUK WAKALAH SULUNG, BISNES SINAR, SH -29	AGROBANK
17. 18. 19.	PESAWAH HARAP SUBSIDI DITERIMA PENGILANG DIBERI KEPADA PETANI UNTUK SELESAI ISU HARGA BENIH, NEGERI KEDAH, SH -28 TUMPU PELABURAN TVET, LONJAK PRESTASI MODAL INSAN NEGARA, BH -ONLINE SEDIAKAN BANTUAN SARA HIDUP, KAWAL HARGA BAJA DAN RACUN - PEKEBUN KECIL, DALAM NEGERI, UM -29	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	THE SUN	NEWS	3
WITHOUT BORDERS			

Climate change affecting rice production

KUALA LUMPUR: Climate change is posing a threat to the production of rice in Malaysia.

Its effects have been felt in recent years as more frequent occurrences of floods and prolonged dry spells, as well as shifting rainy seasons and rising sea levels, have influenced water availability.

According to Agriculture and Food Industries Ministry data, a total of 40,828.28ha of paddy fields nationwide were destroyed by floodwaters while another 9,336.45ha were damaged due to drought between 2017 and 2021.

In a recent interview with Bernama, Agriculture and Food Industries Minister Datuk Seri Dr Ronald Kiang said Malaysia's food security has been affected by an increase in the average annual rainfall every decade, based on rainfall records for 40 years between 1978 and 2017.

The ministry has also observed an increase in the size of localities

experiencing a reduction in average annual rainfall distribution, particularly in the west coast and southern and central parts of peninsular Malaysia such as the Sungai Pahang and Sungai Kuantan basins.

Ronald said according to Malaysia's 3rd National Communication and 2nd Biennial Update Reports, 18% of 350,000ha of paddy fields have been exposed to frequent and prolonged dry spells. The affected paddy fields were located in the east coast of peninsular Malaysia.

Ronald said based on a Meteorological Department report titled "Climate Change Scenarios for Malaysia 2001-2099", the frequency of dry and hot weather has increased since 2005 in peninsular Malaysia, Sabah and Sarawak.

Among the years that recorded prolonged hot and dry spells in Malaysia were 1982, 1983, 1997, 1998, 2014, 2015, 2016 and 2020. The main

reason for the dry spells was the effects of the El Nino phenomenon, that hits the Southeast Asian region frequently.

Data related to applications for aid under the ministry's agricultural disaster fund (to compensate farmers whose crops were destroyed due to natural disasters) between 2017 and 2021 showed that rice crops suffered damage totalling RM21.6 million due to droughts and RM128.8 million due to floods.

Over the years, the government has also been providing yearly allocations to build and improve irrigation systems at paddy fields, while tube wells and dams have been built for water storage to ease dependence on rainfall.

Other measures to increase rice production include the implementation of the alternative wetting and drying system, which is an irrigation scheduling technique to replace the continuous flooding irrigation system. - Bernama

Headline	Ronald Kiandee : Climate change putting national rice security at risk		
MediaTitle	Kwong Wah Yit Poh		
Date	21 Oct 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	59,667
Page No	A3	Readership	179,000
Language	Chinese	ArticleSize	166 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,861
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,583



罗南建迪：气候变化导致自然灾害

将引发我国粮食安全危机

【吉隆坡20日讯】农业及食品工业部长拿督斯里罗南建迪警告，气候变化为我国带来的自然灾害，将引发粮食安全危机。

他告诉《马新社》，根据农业和食品工业部(MAFI)的数据，从2017年至2021年，全国共有4万0828.28公顷的稻田被洪水摧毁，另有9336.45公顷的稻田因干旱而受损。

数据显示，近40年来，即从1978年至2017年，我国每10年平均降雨量在增加。另外，历年平均降雨量较少的分布地区也在增加，尤其是西马半岛的西海岸和中部地区，如彭亨河盆地以及关丹河盆地。

他也指出，根据马来西亚第三国家通讯(TNC)，以及两年期更新报告(BUR)，在我国35万公顷的稻田中，有18%的农田遭受长期干旱，主要分布在西马半岛东海岸。

“即便如此，被洪水摧毁的稻田比例还是很高，上述报告也预测，将幕布农业发展局(Kemubu Agricultural Development Authority)种植的25%稻米，将受到这种现象(极端降雨)的影响。”

罗南建迪援引我国气象局发布的《马来西亚2001-2099年气候变化情景》的报告，自2005年以来，西马半岛、沙巴和砂拉越出现干旱和炎热气候的频率有所增加，主要原因是频繁侵袭东南亚地区的厄尔尼诺现象(El Nino)。

“长期的干旱，再加上温度和湿度上升，更容易遭到害虫入侵，并导致爆发某种疾病，从而影响稻米生产。”

由于意识到气候变化对国家粮食安全的影响，罗南建迪表示，农业部正在通过《2021至2025年国家食品安全政策行动计划(DSMN)》，起草稻米产业全面转型的倡议，以提高稻米产量和农民收入。

他指出，其中涵盖利用气候技术提升粮食生产的研究和发展，包括使用智能型大规模田地概念，实施定点营养管理系统，并利用现代种植技术，如无人机喷洒农药和最新的种植机械。

“这是因为在《第12大马计划》，政府预设要在2025年，将我国大米的自给自足水平提高到75%。”

他披露，根据农业部的农业灾害基金收到的援助申请(补偿因自然灾害遭受作物损失的农民)，在2017年至2021年，因干旱而导致稻米作物损失价值2160万令吉，因水灾遭受的损失则是1亿2880万令吉。

至于水果、蔬菜、经济作物，以及高价值商品作物等，在同一时期因水灾而损失2140万令吉，涉及到1944.57公顷的土地。

他表示，农业部也致力于推行《国家农业食品政策2.0》(NAP 2.0)，以解决粮食安全问题。

“气候变化也影响到渔业，海洋二氧化碳含量上升使海水变得更酸，导致珊瑚礁被侵蚀，而珊瑚礁占全国海洋鱼类供应的25%。”

“为了加强国家粮食安全链，《国家农业食品政策2.0》主要集中在5个核心，包括提升现代化和智能农业，加强国内市场，生产出口产品。”



政府预设要在2025年，将我国大米的自给自足水平提高到75%。

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	HARAKAH DAILY	ONLINE	

Sekuriti beras negara berisiko tinggi terjejas akibat perubahan iklim



KUALA LUMPUR: Tanaman padi yang merupakan tanaman makanan ruji masyarakat negara ini, adalah antara yang paling berpotensi terkesan oleh perubahan iklim, sekali gus mengancam sekuriti bekalan beras negara.

Ini berikutan fenomena itu meningkatkan risiko dan kejadian bencana seperti banjir, kemarau yang berpanjangan, anjakan musim

hujan serta kenaikan aras air laut sehingga mempengaruhi ketersediaan air.

Kesan perubahan iklim terhadap tanaman itu semakin ketara kebelakangan ini apabila dalam tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021 sebanyak 40,828.28 hektar tanaman padi di Semenanjung Malaysia musnah akibat banjir, manakala 9,336.45 hektar pula terjejas oleh kemarau.

Dalam satu temu ramah bersama *Bernama*, Menterii Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata sekuriti makanan negara ini terjejas berikutan Malaysia mengalami pertambahan purata hujan tahunan setiap dekad, berdasarkan rekod hujan tahunan selama 40 tahun iaitu dari 1978 hingga 2017.

Malah, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) turut menyedari saiz kawasan yang mengalami taburan penurunan purata hujan tahunan juga bertambah, terutama di bahagian pantai barat, selatan serta tengah Semenanjung Malaysia seperti Lembangan Sungai Pahang dan Lembangan Sungai Kuantan.

“Menurut laporan Malaysia’s 3rd National Communication and 2nd Biennial Update Reports (TNC and BUR2), secara keseluruhannya kira-kira 18 peratus daripada 350,000 hektar kawasan tanaman padi terdedah kepada kekerapan berlakunya musim kering yang berpanjangan, melibatkan kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

“Biarpun demikian, peratusan kerosakan akibat banjir adalah lebih tinggi, yang mana menurut laporan itu kawasan yang terdedah adalah 25 peratus daripada kawasan penanaman padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA),” kata Ronald.

Pelan transformasi padi

Berpandukan laporan Climate Change Scenarios For Malaysia 2001-2099 yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), kekerapan musim kering dan panas telah meningkat sejak 2005 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Antara tahun-tahun yang direkodkan oleh negara ini sebagai mengalami musim panas dan kering yang panjang ialah 1982, 1983, 1997, 1998, 2014, 2015, 2016 dan 2020. Penyebab utama kejadian musim kering ini ialah fenomena El Nino yang kerap melanda seluruh rantau Asia Tenggara.

“Keadaan kemarau yang berpanjangan serta kesan peningkatan suhu dan kelembapan tinggi ini boleh meningkatkan serangan serta kehadiran serangga perosak dan penyakit tertentu terhadap tanaman,” kata Ronald.

Golongan pesawah di Semenanjung Malaysia paling terjejas oleh fenomena itu apabila merekodkan nilai kerosakan paling tinggi berbanding tanaman agromakanan yang lain.

Data permohonan Tabung Bencana sejak 2017 hingga 2021 merekodkan nilai kerosakan bagi tanaman padi akibat bencana kemarau sebanyak RM21.6 juta manakala nilai kerosakan akibat banjir pula dianggarkan berjumlah RM128.8 juta.

Bagi tanaman agromakanan lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran, kontan dan komoditi bernilai tinggi pula, anggaran nilai kerosakan keseluruhannya ialah sebanyak RM21.4 juta, melibatkan kawasan seluas 1,944.57 hektar yang terjejas banjir.

Menyedari impak perubahan iklim kepada sekuriti makanan negara, MAFI merangka inisiatif untuk mentransformasikan industri padi dan beras secara menyeluruh melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah.

“DSMN 2021-2025 meliputi peluasan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim.

“Ini kerana tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) ialah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras dalam negara hingga 75 peratus menjelang 2025,” jelas beliau.

(SSL adalah kayu ukur kebergantungan negara kepada makanan tempatan berbanding makanan yang diimport)

Antara inisiatif bagi merealisasikan objektif itu ialah melaksanakan penanaman padi menggunakan konsep Program SMART Sawah Berskala Besar (Smart SBB), mengaplikasikan formulasi baja secara spesifik mengikut tanah, menggunakan kaedah penanaman secara moden seperti penggunaan dron bagi tujuan meracun selain menggunakan jentera penanaman dan penuaian terkini dan sebagainya.

Amaran awal

Peruntukan tahunan secara berterusan turut dilaksanakan bagi menambah baik sistem pengairan sawah, antaranya membina telaga tiub dan takungan seperti empangan bagi penyimpanan air memandangkan aktiviti sawah di sebahagian besar kawasan masih bergantung pada curahan air hujan.

Langkah lain yang turut diambil dalam menangani polemik tersebut ialah pelaksanaan pengairan sawah secara Alternate Wetting and Drying (AWD) bagi menggantikan pengairan secara “banjir”.

Pembangunan dan penggunaan varieti benih padi tahan banjir atau tahan kemarau (padi anaerob dan padi aerob) turut dilakukan selain memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim, katanya.

MAFI juga menyokong Program National Water Balance Management System (NAWABS) oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang bertujuan mengimbangi pembangunan dan pengurusan sumber air negara sebagai rujukan pengurusan padi.

“Melalui program ini, beberapa data ramalan hujan daripada MetMalaysia dan kajian Impak Perubahan Iklim oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) disepadukan bagi

memberikan maklumat ramalan kemarau dan ketersediaan sumber air seawal dua bulan ke hadapan dan amaran seawal 14 hari ke hadapan kepada pihak berkaitan dalam pengurusan air di negeri dan persekutuan.

“Dengan menggunakan sistem ini sepenuhnya, pengurusan air negeri dapat membuat keputusan terutamanya dalam penentuan pengurusan pengairan padi seperti mencadangkan pembenihan awan di sekitar kawasan tadahan empangan apabila tiada hujan dan baki simpanan air di empangan semakin berkurang,” katanya.

Sistem ini juga dapat membantu perancangan masa yang lebih sesuai untuk penanaman padi dengan merujuk kepada ketersediaan sumber air hujan dan kuantiti isi padu sungai dan empangan.

Dasar agromakanan negara

Tidak hanya memberi tumpuan kepada pengurusan padi, MAFI turut komited menangani sekuriti makanan dalam beberapa sektor agromakanan lain seperti buah dan sayur, ternakan, perikanan dan akuakultur khususnya melalui pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

“Pelaksanaan DAN 2.0 ini dilihat wajar bagi menjamin sekuriti makanan kerana perubahan iklim turut menjejaskan sumber perikanan negara, yang mana fenomena itu akan menyebabkan peningkatan kandungan karbon dioksida dalam air, sekali gus menambahkan keasidan air laut dan menjadi punca kemusnahan terumbu karang yang menampung 25 peratus bekalan ikan laut negara.

“Justeru, bagi mengukuhkan rantai sekuriti makanan negara, DAN 2.0 akan dipacu oleh lima teras dasar seperti meningkatkan pemodenan dan pertanian pintar, mengukuhkan pasaran domestik dan pengeluaran produk berorientasikan eksport,” katanya.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang merupakan usaha kerajaan untuk mencapai sekuriti makanan yang lebih holistik.

Prihatin dengan impak perubahan iklim yang dilihat sangat memberi kesan kepada petani, kerajaan, melalui Belanjawan 2021, telah meluluskan peruntukan berjumlah RM80 juta kepada MAFI bagi penubuhan Tabung Bencana Pertanian (TBP) yang kini dikenali sebagai Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

PPSPA ini bertujuan membantu meringankan beban kumpulan sasaran iaitu petani, penternak, nelayan, pengusaha akuakultur, pengusaha agropelancongan dan Industri Asas Tani (IAT) yang terkesan oleh bencana yang merupakan antara impak langsung perubahan iklim.

Ronald berkata bantuan dan sokongan bukan berbentuk kewangan ini meliputi input pertanian, peralatan dan mesin serta bantuan bukan kewangan lain yang bersesuaian bagi membantu golongan sasaran membangunkan semula aktiviti agromakanan.

“Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) melalui obligasi sosialnya kepada kerajaan, turut menyumbangkan dana sebanyak RM10 juta setiap tahun sepanjang tempoh konsesi serta Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyumbang RM2 juta setiap tahun bagi membantu mengisi tabung berkenaan.

“Hingga 15 Sept 2021, sejumlah RM4,346,239.00 telah disalurkan oleh MAFI kepada jabatan-jabatan dan agensi di bawahnya untuk membantu meringankan beban golongan sasaran yang terjejas bencana,” katanya. – **BERNAMA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	BERNAMA	ONLINE	

Sekuriti Beras Negara Berisiko Tinggi Terjejas Akibat Perubahan Iklim



Pesawah Daud Yahya, 64, (tengah) bersama rakannya, Mad Isa, 60 (kanan) dan Saad Hassan, 63, (kiri) melihat tanaman padi yang rosak akibat kemarau berpanjangan. –fotoBERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

KUALA LUMPUR (Bernama) – Tanaman padi yang merupakan tanaman makanan ruji masyarakat negara ini, adalah antara yang paling berpotensi terkesan oleh perubahan iklim, sekali gus mengancam sekuriti bekalan beras negara.

Ini berikutan fenomena itu meningkatkan risiko dan kejadian bencana seperti banjir, kemarau yang berpanjangan, anjakan musim hujan serta kenaikan aras air laut sehingga mempengaruhi ketersediaan air.

Kesan perubahan iklim terhadap tanaman itu semakin ketara kebelakangan ini apabila dalam tempoh lima tahun dari 2017 hingga 2021 sebanyak 40,828.28 hektar tanaman padi di Semenanjung Malaysia musnah akibat banjir, manakala 9,336.45 hektar pula terjejas oleh kemarau.

Dalam satu temu rasmah bersama Bernama, Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee berkata sekuriti makanan negara ini terjejas berikutan Malaysia mengalami pertambahan purata hujan tahunan setiap dekad, berdasarkan rekod hujan tahunan selama 40 tahun (aitu dari 1978 hingga 2017).



Datuk Seri Dr Ronald Kiangdee, Menteri Pertanian dan Industri Makanan (MAFI). Gambar ihsan MAFI

Malah, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) turut menyedari saiz kawasan yang mengalami taburan penurunan purata hujan tahunan juga bertambah, terutama di bahagian pantai barat, selatan serta tengah Semenanjung Malaysia seperti Lembangan Sungai Pahang dan Lembangan Sungai Kuantan.

"Menurut laporan *Malaysia's 3rd National Communication and 2nd Biennial Update Reports* (TNC and BUR2), secara keseluruhannya kira-kira 18 peratus daripada 350,000 hektar kawasan tanaman padi terdedah kepada kekerapan berlakunya musim kering yang berpanjangan, melibatkan kawasan pantai timur Semenanjung Malaysia.

"Biarpun demikian, peratusan kerosakan akibat banjir adalah lebih tinggi, yang mana menurut laporan itu kawasan yang terdedah adalah 25 peratus daripada kawasan penanaman padi di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (KADA)," kata Ronald.

PELAN TRANSFORMASI PADI

Berpandukan laporan *Climate Change Scenarios For Malaysia 2001-2099* yang dikeluarkan oleh Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia), kekerapan musim kering dan panas telah meningkat sejak 2005 di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.

Antara tahun-tahun yang direkodkan oleh negara ini sebagai mengalami musim panas dan kering yang panjang ialah 1982, 1983, 1997, 1998, 2014, 2015, 2016 dan 2020. Penyebab utama kejadian musim kering ini ialah fenomena El Nino yang kerap melanda seluruh rantau Asia Tenggara.

"Keadaan kemarau yang berpanjangan serta kesan peningkatan suhu dan kelembapan tinggi ini boleh meningkatkan serangan serta kehadiran serangga perosak dan penyakit tertentu terhadap tanaman," kata Ronald.



Pesawah Daud Yahya, 64, (tengah) bersama rakannya, Mad Isa, 60 (kanan) dan Saad Hassan, 63, (kiri) melihat tanaman padi yang rosak akibat kemarau berpanjangan. –fotoBERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

Golongan pesawah di Semenanjung Malaysia paling terjejas oleh fenomena itu apabila merekodkan nilai kerosakan paling tinggi berbanding tanaman agromakanan yang lain.

Data permohonan Tabung Bencana sejak 2017 hingga 2021 merekodkan nilai kerosakan bagi tanaman padi akibat bencana kemarau sebanyak RM21.6 juta manakala nilai kerosakan akibat banjir pula dianggarkan berjumlah RM128.8 juta.

Bagi tanaman agromakanan lain seperti buah-buahan, sayur-sayuran, kontan dan komoditi bernilai tinggi pula, anggaran nilai kerosakan keseluruhannya ialah sebanyak RM21.4 juta, melibatkan kawasan seluas 1,944.57 hektar yang terjejas banjir.

Menyedari impak perubahan iklim kepada sekuriti makanan negara, MAFI merangka inisiatif untuk mentransformasikan industri padi dan beras secara menyeluruh melalui Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 bagi meningkatkan pengeluaran padi dan pendapatan pesawah.

BEKALAN BERAS NEGARA BERISIKO TINGGI TERJEJAS

- Tanaman padi antara yang berpeluang terkenas akibat perubahan iklim.
- Fenomena ini meningkatkan risiko & kejadian bencana seperti:



FAKTOR SEKURITI MAKANAN TERJEJAS

- Malaysia mengalami pertambahan purata hujan tahunan setiap dekad.
- Saiz kawasan mengalami taburan penurunan purata hujan tahunan bertambah.
- Kerosakan akibat banjir.
- Peningkatan kehadiran serangga perosak & penyakit tertentu akibat:
 - Kemarau berpanjangan
 - Kesan peningkatan suhu
 - Kelambapan tinggi



DATA PERMOHONAN TABUNG BENCANA SEJAK 2017-2021



Anggaran nilai kerosakan bagi tanaman padi akibat:

Banjir:
RM128.8 JUTA

Kemarau:
RM21.6 JUTA

PELAN TRANSFORMASI PADI

- Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara (DSMN) 2021-2025 bagi meningkatkan pengeluaran padi & pendapatan pesawah.
- Melaksanakan penanaman padi menggunakan konsep Program SMART Sawah Berskala Besar (Smart SBB).
- Pembiayaan & penggunaan varieti benih padi tahan banjir, tahan kemarau.
- Memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.
- Memperkenalkan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim.



Sumber: Menteri Pertanian & Industri Makanan (MAFIS) Datuk Seri Dr. Wan Md. Yusoff Yusoff.

Dibuatkan: 20 Jan 2021

Infografik -- BERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

DSMN 2021-2025 meliputi peluasan penyelidikan dan pembangunan untuk meningkatkan pengeluaran makanan dengan kaedah teknologi berasaskan iklim.

"Ini kerana tumpuan kerajaan dalam Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12) ialah untuk meningkatkan tahap sara diri (SSL) beras dalam negara hingga 75 peratus menjelang 2025," jelas beliau.

(SSL adalah kayu ukur kebergantungan negara kepada makanan tempatan berbanding makanan yang diimport)

Antara inisiatif bagi merealisasikan objektif itu ialah melaksanakan penanaman padi menggunakan konsep Program SMART Sawah Berskala Besar (Smart SBB), mengaplikasikan formulasi baja secara spesifik mengikut tanah, menggunakan kaedah penanaman secara moden seperti penggunaan dron bagi tujuan meracun selain menggunakan jentera penanaman dan penuaian terkini dan sebagainya.

AMARAN AWAL

Peruntukan tahunan secara berterusan turut dilaksanakan bagi menambah baik sistem pengairan sawah, antaranya membina telaga tiub dan takungan seperti empangan bagi penyimpanan air memandangkan aktiviti sawah di sebahagian besar kawasan masih bergantung pada curahan air hujan.

Langkah lain yang turut diambil dalam menangani polemik tersebut ialah pelaksanaan pengairan sawah secara *Alternate Wetting and Drying* (AWD) bagi menggantikan pengairan secara "banjir".

Pembangunan dan penggunaan varieti benih padi tahan banjir atau tahan kemarau (padi anaerob dan padi aerob) turut dilakukan selain memperkenankan insurans pertanian untuk mengurangkan risiko perubahan iklim, katanya.



Pesawah menanam anak benih padi di sawah miliknya di Kampung Benoni. — fotoBERNAMA (2018) HAK CIPTA TERPELIHARA

MAFI juga menyokong Program *National Water Balance Management System (NAWABS)* oleh Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) yang bertujuan mengimbangi pembangunan dan pengurusan sumber air negara sebagai rujukan pengurusan padi.

"Melalui program ini, beberapa data ramalan hujan daripada MetMalaysia dan kajian Impak Perubahan Iklim oleh Institut Penyelidikan Air Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) disepadukan bagi memberikan maklumat ramalan kemarau dan ketersediaan sumber air seawal dua bulan ke hadapan dan amaran seawal 14 hari ke hadapan kepada pihak berkaitan dalam pengurusan air di negeri dan persekutuan.

"Dengan menggunakan sistem ini sepenuhnya, pengurusan air negeri dapat membuat keputusan terutamanya dalam penentuan pengurusan pengairan padi seperti mencadangkan pembenihan awan di sekitar kawasan tadahan empangan apabila tiada hujan dan baki simpanan air di empangan semakin berkurang," katanya.

Sistem ini juga dapat membantu perancangan masa yang lebih sesuai untuk penanaman padi dengan merujuk kepada ketersediaan sumber air hujan dan kuantiti isi padu sungai dan empangan.

DASAR AGROMAKANAN NEGARA



Gambar hiasan. -fotoBERNAMA (2021) HAK CIPTA TERPELIHARA

Tidak hanya memberi tumpuan kepada pengurusan padi, MAFI turut komited menangani sekuriti makanan dalam beberapa sektor agromakanan lain seperti buah dan sayur, ternakan, perikanan dan akuakultur khususnya melalui pelaksanaan Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0).

"Pelaksanaan DAN 2.0 ini dilihat wajar bagi menjamin sekuriti makanan kerana perubahan iklim turut menjejaskan sumber perikanan negara, yang mana fenomena itu akan menyebabkan peningkatan kandungan karbon dioksida dalam air, sekali gus menambahkan keasidan air laut dan menjadi punca kemusnahan terumbu karang yang menampung 25 peratus bekalan ikan laut negara

"Justeru, bagi mengukuhkan rantaian sekuriti makanan negara, DAN 2.0 akan dipacu oleh lima teras dasar seperti meningkatkan pemodenan dan pertanian pintar, mengukuhkan pasaran domestik dan pengeluaran produk berorientasikan eksport," katanya.

Selain itu, kerajaan juga telah menubuhkan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara (FSCC) yang merupakan usaha kerajaan untuk mencapai sekuriti makanan yang lebih holistik.

Prihatin dengan impak perubahan iklim yang dilihat sangat memberi kesan kepada petani, kerajaan, melalui Belanjawan 2021, telah meluluskan peruntukan berjumlah RM80 juta kepada MAFI bagi penubuhan Tabung Bencana Pertanian (TBP) yang kini dikenali sebagai Peruntukan Pembangunan Semula Projek Agromakanan (PPSPA).

PPSPA ini bertujuan membantu meringankan beban kumpulan sasaran iaitu petani, penternak, nelayan, pengusaha akuakultur, pengusaha agropelancongan dan Industri Asas Tani (IAT) yang terkesan oleh bencana yang merupakan antara impak langsung perubahan iklim.



Gambar hiasan. – fotoBERNAMA (2020) HAK CIPTA TERPELIHARA

Ronald berkata bantuan dan sokongan bukan berbentuk kewangan ini meliputi input pertanian, peralatan dan mesin serta bantuan bukan kewangan lain yang berseesuaian bagi membantu golongan sasaran membangunkan semula aktiviti agromakanan.

"Padiberas Nasional Berhad (BERNAS) melalui obligasi sosialnya kepada kerajaan, turut menyumbangkan dana sebanyak RM10 juta setiap tahun sepanjang tempoh konsesi serta Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyumbang RM2 juta setiap tahun bagi membantu mengisi tabung berkenaan.

"Hingga 15 Sept 2021, sejumlah RM4,346,239.00 telah disalurkan oleh MAFI kepada jabatan-jabatan dan agensi di bawahnya untuk membantu meringankan beban golongan sasaran yang terjejas bencana," katanya.

– BERNAMA

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	UTUSAN BORNEO	ONLINE	

MAFI giat laksana naik taraf pasar tamu di seluruh negara



PRIHATIN: Ronald (kiri) menyampaikan bantuan MAFI Prihatin kepada wakil penduduk kampung di kawasan pulau di Beluran.

BELURAN: Seiring dengan matlamat untuk mentransformasikan operasi pasar tamu tanpa menghilangkan identiti keunikannya, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) menggiatkan pelaksanaan projek menaik taraf pasar tamu di seluruh negara.

MAFI melalui Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dalam tempoh Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK11) memperuntukkan RM9.5 juta untuk membangunkan program Pengukuhan Rangkaian Peruncitan Pasar Tamu di Sabah dan Sarawak bermula 2016.

Menteri Pertanian dan Industri Makanan Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, sehingga September tahun ini, sebanyak sembilan lokasi pasar tamu dinaik taraf termasuk empat lokasi pasar tamu yang sudah beroperasi, manakala lima lagi lokasi masih di peringkat pembinaan termasuk pasar tamu Beluran.

Katanya, pembangunan pasar tamu adalah sebahagian daripada fungsi FAMA dalam memperkasakan pemasaran hasil pertanian.

Menurutnya, usaha itu dilaksanakan melalui pembangunan premis pemasaran kekal bagi memudahkan urusan antara usahawan dan pengunjung serta pihak berkuasa tempatan.

"Pembangunan premis pemasaran kekal sebegini oleh FAMA adalah penting dan keberkesannya juga dapat dilihat semasa tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Premis-premis ini dibenarkan beroperasi sebagai Pasar Segar Terkawal (PST) mengikut prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

"Ia bagi memastikan kelangsungan bekalan dan mempercepatkan pengedaran makanan negara," katanya pada sidang media selepas majlis Program Prihatin Peladang anjuran Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran di sini, Ahad lepas.

Terdahulu, Ronald mengadakan lawatan kerja ke tapak projek naik taraf pasar tamu Beluran dan menyampaikan sumbangan sempena Program Sentuhan Kasih Tani.

Beliau berkata, memandangkan tiada lagi negeri berada di Fasa 1 Pelan Pemulihan Negara (PPN) selaras dengan keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Khas Pengurusan Pandemik sebelum ini, pasar tani di seluruh negara juga dapat beroperasi semula.

Menurutnya, setakat ini sebanyak 208 daripada 312 pasar tani di seluruh negara mula beroperasi dan selebihnya akan dilaksanakan secara berperingkat sehingga akhir tahun ini dengan mengadaptasi SOP yang ditetapkan oleh MKN.

Katanya, pembukaan semula semua pasar tani sahaja di seluruh negara akan memberi manfaat kepada lebih 9,000 usahawan yang dijangka mampu menjana nilai jualan sehingga RM110 juta serta memberi peluang kepada 2.5 juta pelanggan mendapatkan produk agromakanan yang ditawarkan.

Dalam pada itu, Ronald berkata, projek menaik taraf tapak pasar tamu di daerah ini dijangka siap pada pertengahan Mei tahun depan dan ia bakal memanfaatkan kira-kira 170 pengusaha kecil sedia ada.

"MAFI melalui FAMA melaksanakan projek pembangunan berkenaan dengan peruntukan sebanyak RM746,000 di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12).

"Penaiktarafan pasar tamu Beluran adalah yang keempat di Sabah dan ia bakal memberi kemudahan kepada golongan petani, pengeluar dan usahawan produk pertanian tempatan. Setelah siap dinaik taraf, pentadbiran pasar tamu ini akan diserahkan kepada Majlis Daerah Beluran.

"Dengan adanya pasar tamu baharu ini, ia akan meningkatkan pendapatan para peserta sekali gus menjadi saluran pasaran produk agromakanan bagi membantu pengusaha kecil memasarkan hasil keluaran sendiri," katanya.

Ronald berkata, sehingga kini, FAMA menaik taraf dua pasar tamu di Sabah iaitu di Sook Keningau dan Kudat, manakala pasar tamu Kunak masih lagi dalam proses pembinaan dan dijangka siap pada Mac 2022.

Selain itu katanya, pihak FAMA juga dengan kerjasama Majlis Daerah Beluran dalam proses membangunkan sebuah medan gerai buah-buahan segar di kawasan ini.

Pada majlis itu, Ronald turut menyampaikan sumbangan Prihatin Peladang yang diagihkan oleh Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) kepada 1,000 ahli PPK Beluran serta penduduk setempat.

Menurutnya, NAFAS sebagai sebuah institusi yang menerajui pergerakan pertubuhan peladang perlu terus diperkasakan menjadi badan perniagaan yang berdaya maju sekali gus membina pergerakan yang kompeten dan berdaya saing.

"Saya yakin dan percaya, pertubuhan peladang di semua peringkat akan meneruskan fungsi utamanya dalam memberi perkhidmatan yang berkualiti dan dinamik.



LAWATAN: Ronald (tengah) ketika melawat tapak projek naik taraf pasar tamu Beluran.

"PPK juga akan terus berusaha terlibat secara aktif dalam keseluruhan rantai nilai industri padi negara, meneroka aktiviti nilai tambah dan hiliran khususnya dengan teknologi moden serta digital agar produktiviti dimaksimumkan dan pendapatan dapat ditingkatkan.

"Usaha ini penting supaya model perniagaan yang lebih lestari dapat diwujudkan bagi memberi pulangan lebih baik kepada golongan sasaran," jelasnya.

Beliau sentiasa mengikuti prestasi pertubuhan peladang dari semasa ke semasa dan akan menyokong setiap usaha yang dilaksanakan bagi terus memperkasakan pertubuhan peladang menjadi sebuah entiti yang berdaya maju dalam industri agromakanan negara.

Sementara itu, Ronald turut berharap NAFAS terlibat dalam pembangunan Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) yang dilaksanakan oleh Padiberas Nasional Berhad (BERNAS).

Katanya, konsep SMART SBB melibatkan penyertaan pihak swasta dan NAFAS mempunyai kapasiti menjadi pemain dalam industri padi beras terutama menerusi program berkenaan.

Sehubungan itu, pihaknya ingin melihat NAFAS terlibat bukan sahaja dalam usaha penanaman tetapi dalam keseluruhan rantai industri padi beras negara.

Beliau berkata, setakat ini lebih 17,000 hektar tanah akan dibangunkan melalui konsep SMART SBB di seluruh negara dan pelaksanaannya di Sabah membabitkan kawasan sawah padi di Kota Belud masih dalam peringkat perbincangan.

Terdahulu, Ronald turut menyampaikan sumbangan MAFI Prihatin kepada 500 penduduk di tiga pulau dekat sini iaitu Pulau Kaniogan, Pulau Bukit Besi dan Pulau Ketabuan yang terjejas akibat pandemik COVID-19.

Menurutnya, bagi negeri Sabah setakat ini, pelaksanaan MAFI Prihatin melalui FAMA memberi manfaat kepada seramai 1,113 orang di tujuh lokasi seluruh negeri dengan nilai bantuan berjumlah RM81,000.

"Diharap sumbangan yang disampaikan ini sedikit sebanyak dapat membantu mengurangkan beban para penerima terutama dalam menghadapi situasi semasa akibat pandemik COVID-19 yang masih belum berakhir," katanya.



Sumbangan Prihatin Peladang daripada NAFAS yang disampaikan Ronald (dua kiri) kepada salah seorang penerima.

Salah seorang penerima sumbangan, Saubah Asnin dari Kampung Seri Menanti di sini merakamkan penghargaan atas sumbangan yang diberikan pihak NAFAS.

Ibu kepada sembilan anak ini antara golongan nelayan yang terjejas pendapatan berikutan pandemik COVID-19.

"Saya dan suami hanya bergantung pendapatan dengan menjual hasil tangkapan ketam dan udang di pasar dan juga kepada pembekal.

"Tetapi disebabkan pandemik ini, kami tidak lagi dapat memasarkan hasil tangkapan seperti sebelum ini dan pendapatan juga berkurangan.

"Justeru, dengan adanya pemberian sumbangan seperti ini, ia membantu sedikit untuk meringankan beban kami," katanya.

Turut hadir, Ketua Pengarah FAMA merangkap Ahli Jemaah Pengarah NAFAS Datuk Zainal Abidin Yang Razali dan Pembantu Menteri Pembangunan Luar Bandar yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labuk Samad Jambri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Jabatan Pertanian jamin benih padi cukup



PUTRAJAYA: Jabatan Pertanian memberi jaminan benih padi mencukupi bagi keperluan pesawah melaksanakan penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Menurut jabatan itu dalam satu kenyataan, hari ini, berdasarkan data hingga 10 Oktober lalu, sebanyak 52,922.5 tan metrik benih padi sedang dalam proses pengesahan.

Katanya, jumlah berkenaan mencukupi untuk keperluan mengikut jadual penanaman di Kedah dan Perlis hingga akhir November depan.

"Pada musim ini, jumlah benih yang disahkan dijangka melebihi 36,000 tan metrik, dan ia melebihi keperluan," katanya.

Jabatan Pertanian berkata, pihaknya sentiasa komited memastikan benih padi yang disahkan, menepati kualiti standard ditetapkan bagi menjamin pesawah mendapat bekalan benih bermutu.

Katanya, pesawah dinasihatkan tidak bimbang mengenai bekalan benih walaupun terdapat permintaan agak tinggi terhadap varieti MR 297 sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim 2/2021.

Menurutnya, ini kerana terdapat 12 lagi varieti setanding MR 297 yang diluluskan jabatan itu meliputi MR 219, MR 220 CL2, MR 263, MR 269, MRQ 76, MR 303, MR 307, UKMRC-2, UKMRC-8, UPutra 1, UPutra 2 dan NMR152.

"Jabatan Pertanian berharap pesawah dapat membuka ruang dan bersedia untuk menanam varieti lain selain daripada MR 297 yang mampu memberi hasil tinggi.

"Pesawah juga dinasihatkan supaya tidak membeli benih yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'beg putih'.

"Penggunaan benih jenis ini dikhuatiri boleh menyebabkan masalah padi angin, penyakit serta perosak yang boleh menjejaskan kualiti dan industri padi negara," katanya.

Semalam, media melaporkan Badan Bertindak Petani MADA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diambil kerajaan melalui Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Jabatan Pertanian jamin benih padi cukup

Pesawah di Kedah tidak perlu risau dengan isu kelewatan benih padi

Oleh ROSHILA MURNI ROSLI

PENDANG

Pesawah di negeri ini tidak perlu khuatir dengan isu kelewatan benih padi yang berlaku berikutan bekalan benih mencukupi dan sedang diagihkan secara berperingkat.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Azman Nasrudin berkata, Jabatan Pertanian juga sudah memaklumkan bahawa benih padi mencukupi bagi penanaman musim 2/2021 di kawasan seluas 520,000 hektar di Semenanjung.

Menurutnya, mungkin berlaku kelewatan di beberapa tempat, namun Lembaga Kemajuan



Azman (empat dari kanan) bergambar bersama penerima Sewa Pajak Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) Kampung Asam Jawa di PPK F-III pada Rabu.

Pertanian Muda (MADA) sedang mengambil tindakan segera untuk mengatasi perkara terbabit.

"Situasi kelihatan tidak terkawal kerana terdapat segelintir NGO (pertubuhan bukan kerajaan) cuba memperbesarkan isu

terbabit untuk memburukkan lagi keadaan.

"Saya harap pesawah dapat bersabar. Dengar juga penjelasan dan pandangan daripada agensi berkaitan, jangan apabila ada NGO buat kenyataan sedikit semua jadi kalam kabut," kata-

nya ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Sewa Pajak Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) Kampung Asam Jawa di PPK F-III di sini pada Rabu.

Hadir sama, Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman dan Ahli Dewan

85 peserta PPSB terima bayaran sewa tapak bagi tempoh 10 musim

PENDANG - Seramai 85 peserta Projek Penanaman Padi Skala Besar (PPSB) Kampung Asam Jawa di sini menerima bayaran sewa tapak bagi tempoh 10 musim bermula musim 2/2021 hingga 1/2026.

Exco Pertanian dan Industri Makanan, Azman Nasrudin berkata, kesemua peserta bersetuju untuk menyambung perjanjian sewa pajak yang meliputi kawasan seluas 64.106 hektar.

Menurutnya, bermula tahun 2015, pengurusan tanah sawah ini telah diambil alih oleh Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) F-III Pendang yang memulakan pelaksanaan Projek Pemacu Pertanian (PPP) atau turut dikenali sebagai Projek Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA).

"Projek ini dapat peruntukan modal pusingan melebihi RM0.5 juta daripada pihak Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) bagi melaksanakan Projek PPSB," katanya.

Undangan Negeri (ADUN) Sungai Tiang, Datuk Suraya Yaacob.

Menurutnya, bagi melancarkan proses pengagihan benih padi, pesawah juga dinasihatkan tidak menukar jenis benih padi pada saat akhir.

Pesawah harap subsidi diterima pengilang diberi kepada petani untuk selesai isu harga benih

ALOR SETAR - Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) berharap subsidi benih padi yang diterima oleh pengilang diberikan kepada petani untuk menyelesaikan masalah harga benih padi.

Pengerusi Pesawah, Muhammad Fuad Yaacob berkata, petani terpaksa membeli benih pada harga mahal apabila kilang dan peruncit menjual benih padi dengan harga melebihi RM35 iaitu sekitar RM40 hingga RM50 bagi satu beg seberat 20 kilogram (kg).

"Harga mahal dipercayai bermula dari kilang apabila setiap satu beg benih padi dijual pada harga melampau iaitu sekitar RM33 bagi hampir kebanyakan kilang sedangkan beg harga jualan di pintu kilang sepatutnya RM28 kerana ia subsidi kerajaan.

"Keadaan ini menyebabkan cjen termasuk Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) tidak dapat menjual pada harga berpatutan sedangkan harga jualan benih ditetapkan RM35," katanya pada sidang



Muhammad Fuad (kanan) menunjukkan harga benih RM28 pada bungkusan benih padi kerana ia diberi subsidi oleh kerajaan.

akbar di Bukit Besar, Kota Sarang Semut di sini pada Rabu.

Menurutnya, harga benih padi pada musim pertama 2021 penanaman padi tidak lebih daripada RM35 namun didapati tidak terkawal hingga melebihi RM35 ketika musim kedua 2021.

"Bayangkan pihak pengilang menerima subsidi kerajaan namun kini mengaut keuntungan melalui harga benih padi tinggi yang terpaksa ditanggung oleh petani. Masalah harga benih tinggi ini dapat diselesaikan sekiranya

kerajaan memberi subsidi benih yang diperoleh kilang kepada petani," katanya.

Sementara itu, Exco Pesawah, Abdul Rashid Yob berkata, harga benih padi didapati tidak selari dengan harga pada bungkusan beg benih apabila ada pihak menjual antara RM35 dan memecah RM40 untuk satu beg.

"Sebelum ini harga ditetapkan iaitu RM35 tanpa merujuk harga ditanggung petani. Maka, kami mohon kementerian bertanggungjawab mencari jalan dan tidak lepas tangan dalam

hal ini yang dibangkitkan petani setiap tahun," katanya.

Menurutnya, petani juga berdepan kenaikan kos input pertanian yang melampaui kemampuan mereka iaitu kos baja, racun rumpai dan kemungkinan besar perkhidmatan mesin padi dan traktor.

"Sebagai contoh harga racun rumpai yang dahulunya RM40 sebotol kini naik melambung hingga RM80 sebotol, sekali gus menyebabkan petani menanggung kenaikan kos hingga lebih 80 peratus," katanya lagi.

Menurut Abdul Rashid, selain isu harga benih padi, sebilangan petani dibelenggu isu kelewatan bekalan benih dengan jadual penanaman padi yang tidak bersesuaian.

Dalam pada itu, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Limau, Mohd Azam Abd Samat berkata, pihaknya akan menyediakan platform untuk mengadakan perbincangan mengenai semua masalah dihadapi petani supaya tidak berulang.



21 OCT, 2021

Manfaatkan inisiatif agensi kerajaan untuk kembangkan pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 1 of 2



ASHUL

Manfaatkan inisiatif agensi kerajaan untuk kembangkan pasaran

BEAUFORT: Pertanian merupakan salah satu sektor penting dalam aspek menyediakan bekalan makanan serta merupakan salah satu daripada sumber pendapatan.

Ketua Dewan Pemuda Parti Islam Se-Malaysia (PAS) Kawasan Beaufort, Azrul Samat, berkata pengasaha hasil pertanian adalah antara golongan terkecek dalam menghadapi impak daripada situasi semasa menghadapi pandemik COVID-19.

Ini, katanya, kerana mereka mengalami beberapa kesukaran, termasuk penurunan jumlah hasil iaitu dan pada masa sama perlu terus menchiayai kos pengiraan tanaman, gaji pekerja serta bekalan dalam memasarkan hasil tanaman.

Selain itu, pihaknya mengesyorkan supaya pengasaha hasil pertanian khususnya di daerah Beaufort meneroka peluang serta memanfaatkan inisiatif dan perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan.

Beberapa agensi bertanggungjawab di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARI), boleh membantu mengembangkan lagi pasaran pemasaran dan hasil iaitu serta memperolehi manfaat lain untuk perusahaannya.

Azrul berkata industri pertanian di daerah Beaufort dilihat semakin berkembang dengan pembetulan pengiraan dan peniaga hasil tanaman yang terus meningkat.

"Maka adalah lebih baik perkembangan positif ini disambut dengan satu mekanisme yang tepat, iaitu melalui perkhidmatan yang disediakan oleh agensi kerajaan yang berkaitan untuk membimbing para pengasaha dan petani hasil pertanian supaya dapat membuat baik hasil pemasaran, menambahkan hasil iaitu serta meningkatkan kualiti tanaman," katanya.

Istilah berkaitan perkara ini adalah selaras dengan kenyataan daripada Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II, Dr. Nik Muhamad Zakaria Haji Salleh dalam satu majlis pelancaran pengesahan produk pertanian komputer ke pasaran Fizaz Tengah baru-baru ini, bahawa pihak FAMA akan memberikan bimbingan kepada pengusaha kecil dan sederhana (PKS) bagi membantu meningkatkan promosi dan memperluas pasaran bagi pihak yang menyertai program dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh FAMA.

Selain itu, pihak Dewan Pemuda PAS Beaufort juga menyeru masyarakat di Beaufort agar sama-sama menyokong petani dan PKS setempat dengan membeli serta membantu mempromosikan hasil iaitu mereka.

Ini bagi membantu dan memajukan ekonomi dan bekalan makanan dalam komuniti setempat terus berjalan dengan baik.



21 OCT, 2021

Manfaatkan inisiatif agensi kerajaan untuk kembangkan pasaran

Utusan Borneo Sarawak, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

BEAUFORT: Pertanian merupakan salah satu sektor penting dalam aspek menyediakan bekalan makanan serta merupakan salah satu daripada sumber pendapatan. Ketua Dewan Pemuda Parti Islam SeMalaysia (PAS) Kawasan Beaufort, Asrul Samat berkata pengusaha hasil pertanian adalah antara golongan terkesan dalam menghadapi impak daripada suasana dunia menghadapi pandemik COVID-19.

Pesawah mahu subsidi benih padi

ALOR SETAR – Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendesak kerajaan memberikan subsidi benih padi kepada petani supaya mereka dapat membelinya pada harga berpatutan.

Pengerusinya, Mohd. Fuad Yaacob berkata, ramai petani di negeri ini terutamanya di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kecewa dengan harga benih padi yang dikeluarkan pihak kilang kerana tidak selaras serta menekan golongan itu.

Katanya, difahamkan setiap tahun kerajaan memperuntukkan sebanyak RM70 juta subsidi benih padi kepada pengilang bagi membekalkan benih kepada petani tetapi pelbagai masalah timbul sehingga membebankan mereka.

"Kerajaan telah memberikan subsidi benih padi kepada pengilang tetapi apabila petani membeli benih itu, harganya masih lagi tinggi.

"Semasa Pertubuhan Peladang Kebangsaan mengambil alih pembekalan benih padi pada musim lepas harga selingnya RM35," dakwanya di sini semalam.

Ujarnya, selepas kilang dibenarkan untuk membekalkan benih itu kepada petani, harga terus melambung antara RM35



KERATAN Kosmo 2 Oktober 2021.

hingga RM50 setiap beg.

"Ini sudah pasti membebankan petani untuk membelinya dan persoalannya di manakah harga subsidi yang diberi oleh kerajaan selama ini.

"Ini sekali gus menunjukkan pengilang memperoleh untung berlipat kali ganda dan kerajaan perlu menarik kembali subsidi yang diberikan kepada pengilang," ujarnya.

Sehubungan itu, katanya, pemberian subsidi benih padi itu boleh diberikan terus kepada kita-kira 57,000 petani di kawasan MADA.

Ujarnya, setiap tahun, Jabatan Pertanian perlu bekalkan benih padi sebanyak 35,000 metrik tan benih padi pada setiap musim untuk kegunaan di kawasan seluas 100,685 hektar di kawasan MADA.

"Bagaimanapun masalah benih padi sering timbul kerana kegagalan pihak pengeluar membekalkan kepada petani pada hari ini," katanya.



SEBAHAGIAN petani kecewa kelewatan dan bekalan benih padi yang semakin mahal di Kota Sarang Semut, Alor Setar semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	12

Beri subsidi terus kepada pesawah

Oleh **MOHD. RIFAAT
ABD. HAMID**

utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Pertubuhan Persaudaraan Pesawah Malaysia (Pesawah) mendesak kerajaan memberi subsidi benih padi terus kepada petani supaya mereka dapat membelinya dengan harga berpatutan.

Pengerusi Pesawah, Mohd. Fuad Yaacob berkata, petani yang mengusahakan tanaman padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) kecewa dengan harga benih padi yang dikeluarkan pihak kilang tidak selaras malah membebankan petani.

Menurut beliau, difahamkan setiap tahun kerajaan mempe-

runtukkan sebanyak RM70 juta subsidi benih padi kepada pihak pengilang tetapi terus dijual dengan harga tinggi.

Katanya, harga benih padi yang dijual sekarang lebih tinggi antara RM50 hingga RM53 bagi setiap guni seberat 20 kilogram.

"Lembaga Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) yang membekalkan benih padi kepada petani musim lalu dijual pada harga siling RM35 seguni," katanya di Kota Sarang Semut di sini semalam.

Jumlah keperluan benih padi di kawasan MADA pada setiap musim sebanyak 35,000 metrik tan melibatkan kawasan seluas 100,685 hektar.

Selain itu, Mohd. Fuad me-

nambah, pihaknya kesal apabila kilang yang dilantik untuk membekalkan benih padi gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut sehingga berlaku kelewatan membekalkan benih.

Menurutnya, punca kelewatan membekalkan benih padi itu apabila dimonopoli beberapa kilang sahaja.

"Lebih dikesalkan, tiada tindakan diambil ke atas kilang yang lewat menghantar bekalan benih padi kepada petani.

"Kelewatan membekalkan benih padi tersebut telah menyebabkan petani tidak dapat menanam padi mengikut jadual MADA dan petani terpaksa menanggung risiko berhadapan dengan musim kemarau selepas ini," katanya.



SEBAHAGIAN petani yang berkumpul bagi membantah kenaikan harga benih padi di Kota Sarang Semut di Alor Setar semalam. - UTUSAN/MOHD. RIFAAT ABD. HAMID

Benih padi dijamin cukup

52,922.5 tan dalam proses pengesahan untuk keperluan 520,000 hektar di Semenanjung

Oleh Samad Ahmad
dan Noorazura Abdul Rahman
bhnews@bh.com.my

yang disahkan dijangka melebihi 36,000 tan dan ia melebihi keperluan," katanya.

Jabatan Pertanian berkata, pihaknya sentiasa komited memastikan benih padi yang disahkan, menepati kualiti standard ditetapkan bagi menjamin pesawah mendapat bekalan benih bermutu.

Katanya, pesawah dinasihatkan tidak bimbang mengenai bekalan benih, walaupun terdapat permintaan agak tinggi terhadap varieti MR 297 sehingga menyebabkan ia tidak mencukupi pada musim 2/2021.

Menurutnya, terdapat 12 lagi varieti setanding MR 297 yang diluluskan jabatan itu meliputi MR 219, MR 220 CL2, MR 263, MR 269, MRQ 76, MR 303, MR 307, UKMRC-2, UKMRC-8, UPutra 1, UPutra 2 dan NMR152.

"Jabatan Pertanian berharap pesawah dapat membuka ruang dan bersedia menanam kepelbagaian lain selain MR 297 yang mampu memberi hasil tinggi.

"Pesawah juga dinasihatkan tidak membeli benih yang tidak mendapat pengesahan daripada Jabatan Pertanian atau dikenali sebagai 'beg putih'.

"Penggunaan benih jenis ini dikhuatiri boleh menyebabkan



Azman (dua dari kanan) bersama penerima bayaran sewa pajak Projek Penanaman Padi Skala Besar Kampung Asam Jawa, Pendang, semalam. (Foto Noorazura Abdul Rahman /BH)

masalah padi angin, penyakit dan perosak yang boleh menjejaskan kualiti serta industri padi negara," katanya.

Kelmarin, media melaporkan Badan Bertindak Petani MADARA mendakwa sekali lagi berlaku kelewatan proses pengagihan benih padi kepada Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) sehingga

menjejaskan jadual penanaman membabitkan lebih 50,000 pesawah di Kedah dan Perlis.

Pengerusinya, Che Ani Mat Zain, mendakwa pihaknya kecewa apabila masalah pengagihan benih padi masih berterusan sejak tiga tahun kebelakangan ini, selain tiada penyelesaian diam-bil kerajaan melalui Kementerian-

Lebih 50,000 pesawah lewat terima benih padi



Keratan akhbar BH semalam.

an Pertanian dan Industri Makanan (MAFI).

Sementara itu di Pendang, pesawah di Kedah diminta tidak terlahu 'kalam-kabut' dalam isu benih padi, berikutan ia dijamin mencukupi dan akan diagihkan mengikut jadual ditetapkan.

EXCO Pertanian dan Industri Makanan negeri, Azman Nasrudin, berkata pesawah tidak perlu terikut-ikut pihak tertentu yang memainkan isu benih padi setiap kali tiba musim menanam padi.

"Pesawah jangan kalam-kabut mengenai isu benih padi. Mereka perlu mendengar penjelasan dan pandangan agensi berkaitan

"Jabatan Pertanian sudah mengeluarkan kenyataan bahawa benih padi musim ini mencukupi. Mungkin ada kelewatan di beberapa tempat, namun Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) sentiasa mengambil tindakan segera untuk mengatasi perkara ini," katanya selepas Majlis Penyerahan Sewa Pajak Projek Penanaman Padi Skala Besar Kampung Asam Jawa, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) F-III MADA, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	THE SUN	SUNBIZ	11

AGROBANK PRICES ITS FIRST RM500M SUKUK WAKALAH PROGRAMME

PETALING JAYA: Agrobank has priced its inaugural RM500 million sukuk wakalah programme upon completion of a one-day book-building exercise and the proceeds will be used towards its syariah-compliant general business and working capital requirements. The dual-tranche debut offering on a five and seven-year sukuk landed at a tight spread of 51 bps and 49 bps respectively and the book was closed at 3.63% per annum for the five-year sukuk and 3.90% per annum for the seven-year sukuk, amidst a challenging market environment.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	NST	NEWS/BUSINESS	21

DUAL-TRANCHE

Agrobank's 1st sukuk closes at competitive levels



Agrobank's inaugural dual-tranche RM500 million sukuk wakalah has been assigned a rating of 'AAA' by Malaysian Rating Corp Bhd.
FILE PIC

KUALA LUMPUR: Agrobank has priced its inaugural dual-tranche RM500 million sukuk wakalah at "very competitive levels".

It puts forth a dual-tranche debt offering to the market on a five and seven-year sukuk, which landed at a tight spread of 51 basis points (bps) and 49 bps, respectively.

"The book was closed at very competitive levels of 3.63 per cent per annum for the five-year sukuk and 3.90 per cent per annum for the seven-year tranche," the bank said yesterday.

The RM500 million is part of Agrobank's RM1 billion sukuk wakalah lodged with the Secu-

rities Commission in August.

Agrobank covering president and chief executive officer Khadijah Iskandar said the strong demand for the instrument was a testimony to the confidence investors had in the bank's credit, operations and business activities.

"We are proud to have successfully priced our inaugural RM500 million of sukuk wakalah on Oct 18, upon completion of a one-day book-building exercise, which demonstrates the depth of the local sukuk capital market.

"The issuance will enable the industry to realise the benefits from raising capital through the

issuance of these instruments as a cost-efficient and non-dilutive capital raising solution that lowers the cost of capital," she said.

The bank said the inaugural issuance had seen strong orders from investors comprising government agencies, financial institutions, asset management companies and insurance companies, which resulted in an oversubscription.

The sukuk has been assigned a rating of "AAA" by Malaysian Rating Corp Bhd.

Maybank Investment Bank Bhd is the principal arranger, lead arranger and lead manager for the issuance.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	KOSMO	NEGARA	37

Agrobank berjaya tetapkan Sukuk Wakalah RM500 juta

PETALING JAYA – Agrobank telah berjaya menetapkan program Sukuk Wakalah berjumlah RM500 juta berdasarkan prinsip Islam Wakalah Bi Al-Istithmar.

Sambutan luar biasa turut diterima daripada pelabur menerusi terbitan sulung Program Sukuk Wakalah berjumlah RM1 bilion selepas mengemukakan-nya kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia pada bulan Ogos yang lalu.

Penanggung Tugas Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, pihaknya berbangga kerana berjaya melancarkan Sukuk Wakalah sulung Agrobank berjumlah RM500 juta pada 18 Oktober lalu.

Ia adalah usaha pihak bank selepas memuktamadkan proses penetapan harga yang menandakan kepentingan pasaran modal sukuk Malaysia.

"Kejayaan menjadi sebahagian daripada instrumen inovatif ini adalah suatu kelebihan buat Agrobank yang mana kami percaya ia akan meningkatkan



KHADIJAH

kedudukan Malaysia sebagai sebuah hab kewangan Islam global dalam menerajui pasaran modal Islam global.

"Permintaan yang tinggi di pasaran bagi instrumen ini membuktikan keyakinan para pelabur terhadap kredit, operasi dan aktiviti perniagaan Agrobank.

"Terbitan sukuk ini juga akan membolehkan industri menjana keuntungan menerusi pengurusan kos yang efektif dan sekali gus menyediakan penyelesaian

peningkatan modal yang dapat mengelakkan kecairan dan penurunan kos modal," katanya dalam kenyataan.

Selain itu, Khadijah menjelaskan, hasil daripada penerbitan Sukuk Wakalah ini akan digunakan untuk keperluan perniagaan am dan modal kerja patuh Syariah.

Agrobank telah memberikan tawaran dwi-bahagian ke pasaran dengan sukuk lima dan tujuh tahun masing-masing dengan 51 bps dan 49 bps.

Tambah beliau, walaupun kini berdepan dengan persekitaran pasaran yang mencabar, penetapan harga tersebut telah ditutup pada tahap yang sangat kompetitif iaitu 3.63 peratus p.a bagi sukuk lima tahun dan 3.9 peratus p.a bagi sukuk tujuh tahun.

Penerbitan Sukuk sulung ini menyaksikan permintaan yang tinggi daripada pelabur yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat pengurusan aset dan syarikat insurans yang menyebabkan tawaran jumlah langganan yang berlebihan.

Terbitan sukuk Agrobank dapat sambutan luar biasa

Agrobank mendapat sambutan luar biasa daripada pelabur menerusi terbitan sulung Program Sukuk Wakalah berjumlah RM1 bilion selepas mengemukakannya kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada Ogos lalu.

Ia semalam mengumumkan bahawa harga bagi Program Sukuk Wakalah berjumlah RM500 juta berdasarkan prinsip Islam Wakalah Bi AlIstithmar berjaya ditetapkan pada 18 Oktober lalu.

Penanggung Tugas Presiden/Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar, berkata bank berbangga kerana berjaya melancarkan Sukuk Wakalah sulung berjumlah RM500 juta pada 18 Oktober 2021, selepas memuktamadkan proses penetapan harga yang menandakan kepentingan pasaran modal sukuk Malaysia.

"Kejayaan menjadi sebahagian daripada instrumen inovatif ini adalah satu kelebihan buat Agrobank, yang mana kami percaya ia akan meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai hab kewangan Islam global dalam meneraju pasaran modal

Islam global.

"Permintaan yang tinggi di pasaran bagi instrumen ini membuktikan keyakinan pelabur terhadap kredit, operasi dan aktiviti perniagaan Agrobank.

"Penerbitan sukuk ini akan membolehkan industri menjaga keuntungan menerusi pengurusan kos yang efektif, sekali gus menyediakan penyelesaian peningkatan modal yang dapat mengelakkan kecairan dan penurunan kos modal," katanya dalam satu kenyataan.

Hasil daripada penerbitan Sukuk Wakalah itu akan digunakan untuk keperluan perniagaan am dan modal kerja patuh syariah.

Agrobank memberikan tawaran dwibahagian ke pasaran dengan sukuk lima dan tujuh tahun masing-masing dengan 51 mata asas dan 49 mata asas.

Walaupun pada tahap persekitaran pasaran yang mencabar, penetapan harga ditutup pada tahap yang sangat kompetitif, iaitu 3.63 peratus setahun bagi sukuk lima tahun dan 3.90 peratus setahun bagi sukuk tujuh tahun.

Penerbitan sukuk sulung ini menyaksikan permintaan yang tinggi pelabur yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat pengurusan aset dan syarikat insurans, menyebabkan tawaran jumlah langganan yang berlebihan.

Program Sukuk Wakalah diberi penilaian AAA oleh Malaysia Rating Corporation Bhd.

Maybank Investment Bank Bhd pula adalah Penasihat Utama Tunggal / Pengatur Utama Tunggal / Pengurus Utama Tunggal bagi Program Sukuk berkenaan.



Khadijah Iskandar



21/10/2021

SINAR
HARIAN

BISNES SINAR

29

Permintaan tinggi
sukuk, bukti
pelabur yakin
kredit dan operasi
bisnes Agrobank

Oleh NORSHAHZURA
MAT ZUKI

SHAH ALAM

Agrobank mengumumkan bahawa harga bagi Program Sukuk Wakalah berjumlah RM500 juta berdasarkan prinsip Islam Wakalah Bi Allisthmar berjaya ditetapkan pada 18 Oktober 2021.

Sebelum ini Sukuk Agrobank mendapat sambutan yang luar biasa daripada pelabur menerusi terbitan sulung Program Sukuk Wakalah berjumlah RM1 bilion selepas mengemukakan kepada Suruhanjaya Sekuriti Malaysia

pada bulan Ogos yang lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Khadijah Iskandar berkata, pihaknya berbangga kerana berjaya melancarkan Sukuk Wakalah sulung Agrobank berjumlah RM500 juta pada 18 Oktober 2021, selepas memuktamadkan proses penetapan harga yang menandakan kepentingan pasaran Modal Sukuk Malaysia.

"Kejayaan menjadi sebahagian daripada instrumen inovatif ini adalah suatu kelebihan buat Agrobank. Kami percaya ia akan



KHADIJAH ISKANDAR

meningkatkan kedudukan Malaysia sebagai sebuah hab kewangan Islam global dalam meneraju pasaran modal Islam global.

"Permintaan yang tinggi di pasaran bagi instrumen ini membuktikan keyakinan para pelabur terhadap kredit, operasi dan aktiviti perniagaan Agrobank. Penerbitan sukuk ini akan membolehkan industri menjana ke-

untungan menerusi pengurusan kos yang efektif dan sekali gus menyediakan penyelesaian peningkatan modal yang dapat

mengelakkan kecairan dan penurunan kos modal," katanya dalam satu kenyataan pada Rabu.

Khadijah berkata, hasil daripada penerbitan Sukuk Wakalah itu akan digunakan untuk keperluan perniagaan am dan modal kerja patuh syariah.

"Agrobank telah memberikan tawaran dwi-bahagian ke pasaran dengan sukuk lima dan tujuh tahun masing-masing dengan 51 bps dan 49 bps.

"Walaupun tahap persekitaran pasaran yang mencabar, penetapan harga tersebut telah ditutup pada tahap yang kompetitif iaitu 3.63 peratus p.a bagi sukuk lima tahun dan 3.90 peratus p.a bagi sukuk tujuh tahun," katanya.

Beliau berkata, penerbitan sukuk sulung itu menyaksikan permintaan yang tinggi daripada pelabur yang terdiri daripada agensi kerajaan, institusi kewangan, syarikat pengurusan aset dan syarikat insurans yang menyebabkan tawaran jumlah langganannya yang berlebihan.

Program Sukuk Wakalah telah diberi penilaian AAA oleh Malaysia Rating Corporation Berhad manakala Maybank Investment Bank Berhad pula adalah penasihat utama tunggal, pengatur utama tunggal dan pengurus utama tunggal bagi program sukuk itu.

Agrobank berjaya tetapkan harga Sukuk Wakalah Sulung

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
21/10/2021	BERITA HARIAN	ONLINE	

Tumpu pelaburan TVET, lonjak potensi modal insan negara



Ubah mentaliti bahawa buruh luar negara lebih murah, sebaliknya melaburlah dalam peningkatan kompetensi anak tempatan dengan kemahiran tinggi dan dibayar gaji sesuai tahap kompetensi mereka. - Foto hiasan

STATISTIK merekodkan sehingga suku kedua tahun ini, kadar pengangguran di Malaysia berada pada tahap 4.8 peratus. Ia lebih baik daripada jangkaan peningkatan sehingga 5.3 peratus pada suku pertama 2021, disebabkan kesan pandemik COVID-19 di seluruh negara.

Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Shamsuddin Bardan berkata, majikan di Malaysia tidak mampu menyediakan pekerjaan mencukupi buat rakyat disebabkan pelbagai isu melanda.

Maka, di sebalik pengumuman mengenai penerusan agenda Wawasan kemakmuran Bersama (WKB) 2030 di bawah Rancangan Malaysia ke-12 (RMK-12), diharapkan ekonomi Malaysia terus dirancarkan, khususnya dengan pemerkasaan bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di Malaysia.

Jika ditelusuri, setiap tahun hampir 40,000 murid melalui pendidikan wajib selama enam tahun di sekolah dan tamat Tingkatan 5 tanpa mendapat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Ini menyebabkan mereka tiada sijil kelulusan langsung untuk memohon pekerjaan.

Benar mereka masih boleh bekerja walaupun tanpa sijil, tetapi ruang lingkup terhad. Justeru, sesuatu perlu dilakukan untuk memastikan belia Malaysia dapat memainkan peranan penting dalam membantu pembangunan negara, khususnya belia tanpa pekerjaan, pendidikan dan latihan (NEET).

Jelas sekali keadaan ini kerugian besar kepada modal insan belia negara. Maka, strategi berikut boleh dipertimbangkan:

Pertama, pemerkasaan Kolej Vokasional. Tahun 2021 menandakan suatu tempoh penting pelaksanaan transformasi TVET di Malaysia berkaitan penubuhan Kolej Vokasional. Tempoh 10 tahun cukup baik untuk mengukur permulaan sesebuah sistem bagi melihat kejayaan pelaksanaan transformasi.

Penggunaan jenama logo Kolej Vokasional pada 2021 titik permulaan era baharu kolej aliran pendidikan itu di Malaysia.

Bertepatan pembentangan RMK-12 dan penerusan WKB2030, diharapkan Kolej Vokasional diberikan bajet sesuai untuk memperkasakan kemudahan, kurikulum dan sistem pendidikan lebih dinamik, sesuai Revolusi Industri Keempat (IR4.0).

Peranan industri khususnya syarikat multinasional perlu ditonjolkan lebih meluas kerana industri dan institusi Latihan TVET seperti Kolej Vokasional wajib diperkasakan.

Pihak industri jangan hanya bercakap kosong dengan ayat sentiasa diulang-ulang sejak bertahun. Contohnya seperti graduan TVET tidak memenuhi kehendak pasaran, kurang kemahiran insaniah dan pelbagai lagi. Mulai hari ini, ayuh berpaut tangan melabur dalam sektor pendidikan TVET di Malaysia.

Ubah mentaliti bahawa buruh luar negara lebih murah, sebaliknya melaburlah dalam peningkatan kompetensi anak tempatan dengan kemahiran tinggi dan dibayar gaji sesuai tahap kompetensi mereka.

Kedua, kurikulum berteraskan industri dan kemahiran kalis masa depan. Laporan Jobstreet terkini masih menunjukkan kekurangan graduan semasa sesi temu duga dalam aspek kemahiran komunikasi dan sikap yang negatif.

Ini ditambah pelbagai laporan industri menyatakan remaja dan belia Malaysia kurang ketahanan diri untuk bekerja dalam suasana mencabar.

Justeru, usaha perlu digerakkan di peringkat sekolah hingga universiti bagi mewujudkan belia yang mempunyai data tahan diri dan disiplin tinggi. Sebagai contoh Falsafah Pendidikan Kebangsaan menekankan elemen pembangunan diri secara holistik dan pengembangan potensi diri setiap murid di Malaysia.

Maka subjek di sekolah boleh digunakan sebagai elemen rentas kurikulum untuk membangunkan karakter dan jati diri belia Malaysia, khususnya melalui mata pelajaran Pendidikan Islam, serta moral sebagai contoh.

Penekanan proses pembelajaran berpusatkan pelajar berteraskan elemen komunikasi, kolaboratif, pemikiran kritis dan kreativiti serta aplikasi nilai murni dan etika melalui aktiviti Pembelajaran Abad Ke-21 (PAK-21) di sekolah juga pendekatan strategik untuk menyediakan modal insan dalam kalangan belia dengan kompetensi bersifat kalis masa depan.

Menurut bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Dr Khair Mohamad Yusof, PAK-21 bukan setakat merujuk penggunaan gajet, perkakasan dan perisian terkini teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dalam bilik darjah.

Sebenarnya PAK-21 bermaksud guru menggunakan kaedah pembelajaran dan pengajaran (PdP) berpusatkan murid serta menekankan elemen membina Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam diri pelajar.

Ketiga, mewujudkan bank data status pekerjaan belia. WKB2030 menggariskan beberapa strategi ekonomi untuk membangunkan negara khususnya mengenai keperluan tenaga kerja mahir. Melalui bank data belia Malaysia, kerajaan dapat menganggarkan bilangan belia tidak bekerja, tidak mempunyai kelayakan akademik sesuai atau tidak mempunyai langsung latihan kemahiran.

Semua data dikumpulkan ini dapat membantu dalam mewujudkan pelan tindakan bersesuaian. Sebagai contoh melalui maklumat pendidikan, kerajaan melalui Kementerian Sumber Manusia dapat

menyediakan peluang melalui Institut Latihan Kemahiran Awam (ILKA) supaya dapat memadankan belia dengan bidang kemahiran diperlukan negara dan bidang diminati belia Malaysia.

Dengan peningkatan tahap kemahiran, maka bilangan tenaga kerja mahir di Malaysia akan bertambah. Pemadanan juga boleh dilakukan dengan agensi pekerjaan, majikan serta industri yang memerlukan pekerja supaya mereka mendapat maklumat pemohon pekerjaan daripada bank data belia.

Keempat, menjadikan belia ejen pembangunan luar bandar. Suatu ketika dahulu Malaysia mewujudkan apa yang dipanggil Bandar Belia Malaysia dan beberapa lokasi dipilih, antaranya Tanjung Malim di Perak.

Bandar belia boleh digerakkan semula dan diaktifkan dengan pelan strategik lebih baik. Sebagai contoh program My Kampung My Future di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan boleh memacu bandar belia dengan menyediakan bantuan kepada belia luar bandar.

Belia dilatih membangunkan kampung mereka melalui pelbagai projek keusahawanan pertanian, seterusnya meningkatkan status sosial ekonomi setempat yang dijana melalui pelbagai projek. Pelbagai projek keusahawanan lain boleh diwujudkan untuk menjadikan belia ejen pembangunan kampung mereka.

Kelima, belia dan kewujudan peluang pekerjaan melalui TVET. Dua elemen ini memang tidak dapat dipisahkan. Dalam konteks pendidikan hari ini, tidak semua belia mempunyai kecenderungan dari segi akademik.

Maka Howard Gardner memberi lapan jenis kecerdasan pelbagai. Namun dalam konteks Malaysia, kerangka kelayakan memberi dua pilihan utama iaitu laluan akademik dan laluan TVET.

Memilih laluan TVET tidak bermakna pelajar tidak pandai, tetapi ia pilihan untuk melanjutkan pengajian dalam bidang kritikal untuk keperluan pembangunan negara.

Ia mampu menggantikan pekerja asing tanpa kemahiran dan menyediakan peluang pekerjaan berkemahiran tinggi bagi keperluan industri dalam dan luar negara.

Di sebalik pandemik COVID-19 ramai pekerja asing kembali ke negara asal mereka, maka menjadi tanggungjawab untuk anak muda dan belia kita mengisi kelompangan ditinggalkan dan membuktikan kerjaya 4D - merujuk bahaya, kotor, susah dan mencabar - sanggup diisi anak tempatan.

Sediakan bantuan sara hidup, kawal harga baja dan racun - Pekebun kecil

PETALING JAYA: Kerajaan wajar menimbang memberi bantuan sara hidup kepada pekebun kecil yang mempunyai keluasan tanaman bawah 2 hektar yang pada masa ini terbeban dengan kos sara hidup akibat kenaikan harga baja dan racun.

Presiden Persatuan Kebangsaan Pekebun-pekebun Kecil Malaysia (PKPKM), Datuk Aliasak Ambia berkata, bantuan itu bagi membantu pekebun menampung kos sara hidup sehingga harga baja dan racun kembali stabil.

Pada masa sama katanya, usaha mencari mekanisme bagi membantu mengawal kenaikan harga baja dan racun perlu bagi mengelak kesan teruk kepada pekebun kecil.

"Setiap tahun, jumlah pengeluaran hasil tanaman sama sahaja, tetapi apabila harga baja dan racun meningkat, ia akan menyebabkan pekebun kecil rugi. Kenaikan mungkin berlaku kerana ada pihak tertentu yang mengawalinya. Namun sampai bila harus berlaku?"

"Jadi, pada pandangan saya bantuan perlu diberikan untuk satu tempoh sehinggalah harga baja dan racun kembali stabil. Mekanisme tertentu juga wajar diwujudkan untuk mengelakkan perkara yang sama berlaku lagi pada masa akan datang," katanya kepada

Utusan Malaysia di sini semalam.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna mengakui kenaikan harga baja dan racun serangga itu yang menekan pengusaha dan pekebun di seluruh negara ketika ini.

Menterinya, Datuk Seri Alexander Nanta Linggi berkata, pihaknya bagaimanapun akan menyiasat dan mengambil tindakan sekiranya terdapat elemen pencatutan kepada harga yang dikenakan.

Dalam pada itu, Pengerusi Eksekutif Institut Agro Usahawan (iGROW), Nordin Abdul Malik berkata, sudah tiba masanya kerajaan menitikberatkan keperluan untuk membangunkan kilang dan usahawan yang mampu menghasilkan baja serta racun tempatan.

"Perkara ini sangat berkait rapat dengan keselamatan bekalan makanan negara dan sangat menghairankan sekiranya isu ini tidak diberikan keutamaan dalam mencari titik penyelesaian."

"Kerajaan perlu sedar pembangunan sektor pertanian melibatkan satu ekosistem serta rantai nilai. Kerajaan perlu fikirkan mengenai kegalan kita dalam memberi sokongan konsisten dalam mengawal kos-kos pertanian atau perladangan," katanya.



KERAJAAN mengakui kenaikan harga baja dan racun serangga yang dilihat menekan pengusaha dan pekebun seluruh negara.
- UTUSAN/MOHAMMAD FIRDAUS AMRAN